

# PM tinjau projek bina jalan dusun RM1.3 juta Ulu Kongsor

**Kuala Kangsar:** Datuk Seri Anwar Ibrahim meninjau projek pembinaan jalan dusun bernilai RM1.3 juta di Ulu Kongsor di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, Ulu Kongsor adalah kawasan agropelancongan seluas 323 hektar meliputi 13 kawasan tapak perkhemahan, kawasan rekreasi dan dusun durian, tanaman pokok getah serta kelapa sawit yang diusahakan penduduk.

“Saya terpesona melihat keindahan kawasan Pendusunan Ulu Kongsor yang indah dan nyaman dengan kawasan ladang dan dusun yang menghidupkan serta air sungai yang jernih.

“Pembinaan jalan dusun baharu sepanjang tiga kilometer bernilai RM1.3 juta ini mungkin dilihat kecil sesetengah pihak yang mengukur kemajuan dengan projek raksasa, namun hakikatnya ia cukup penting untuk penduduk kampung.

“Insya-Allah, projek ini akan meningkatkan akses pelancong ke kawasan dusun apabila siap hujung tahun ini, sekali gus melonjak pembangunan ekonomi tempatan dan meningkatkan pendapatan penduduk kampung,” katanya menerusi ciapan di X.

Sementara tu, ketika berucap di Padang Rengas, Perdana Menteri menyifatkan Ahli Parlimen yang mempersenda beliau secara sinis dengan perkataan ‘ketimbang’ sebagai bingung.

Katanya, sebagai pemimpin masyarakat, Ahli Parlimen itu sepatutnya meningkatkan penguasaan bahasa.

“Saya pakai songkok senget pun dia marah, pakai baju Melayu dengan capal pun tak kena. Saya guna istilah baharu seperti ketimbang pun dia bingung sikit, tak faham. Kita jadi pemimpin, kita tingkatkan penguasaan ba-

hasa.

“Dulu tiada mampan, saya perkenalkan. Tiada telus, saya perkenalkan. Tidak popular kesenjangan, kita popularkan. Jadi kita didik anak-anak supaya gunakan bahasa,” katanya ketika berucap pada Majlis Ramah Mesra Perdana Menteri Bersama Masyarakat Padang Rengas di Arena Square Pekan Isnin, di sini, semalam.

Pada hari pertama perbahasan peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan 2025 di Dewan Rakyat, Isnin lalu, Ahli Parlimen Hulu Terengganu, Datuk Rosol Wahid, dilaporkan berkata, perkataan ‘ketimbang’ membawa maksud kencing, tipu dan sembang.